

Konvokesyen Usim iktiraf terbaik

Dua pelajar terima Anugerah Pelajaran DiRaja pada majlis berlangsung selama tiga hari bermula semalam

■ SARINAH MAT KASIM

Seramai 2,498 graduan Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) menerima Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah masing-masing sempena Majlis Konvokesyen Usim kali ke-13 bermula semalam sehingga esok di Dewan Tuanku Canselor Usim, Nilai.

Istiadat Pembukaan majlis konvokesyen berkenaan disempurnakan Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud selaku Tuanku Canselor Usim.

Turut berangkat sama, Tengku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhaudin Tuanku Muhriz yang juga Pro Canselor Usim.

Pada majlis tersebut, dua pelajar terpilih menerima Anugerah Pelajaran DiRaja iaitu Mohd Taqwudin Mohd Yazid dan Amarul Arief Mohd Shuhaimi.



Tuanku Aishah Rohani (tengah) beramah mesra dengan Amarul Arief (dua, kanan) Mohd Taqwudin (kiri) yang menerima Anugerah Pelajaran DiRaja.

Turut diberi Anugerah Canselor ialah Sa'adah Zainal dan Mohammad M.Mohd Alghlailat, manakala Noor Faradzela Mohamad menerima Pingat Emas Naib Canselor.

Majlis Konvokesyen kali ini juga turut menyaksikan dua tokoh menerima Ijazah Kehormat iaitu penerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Pendidikan, Tan Sri Dr Mohd Jusoh Md Nor; manakala

Datuk Seri Zaki Tun Azmi penerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Syariah dan Kehakiman.

Pada sesi semalam, seramai 333 graduan menerima ijazah masing-masing bermula jam 8 pagi sehingga 6 petang.

Pada tahun ini, berlaku peningkatan sebanyak 48 peratus graduan yang menyertai konvokesyen berbanding tahun sebelumnya.



Pelajar yang menerima Anugerah Cemerlang pada Majlis Konvokesyen ke-13, semalam.



Graduan Fakulti Perubatan gembira selepas selesai Majlis Konvokesyen Usim, semalam.



Mohd Taqwudin (kanan) dan Amarul Arief menghunjak pingat Anugerah Pelajaran DiRaja yang diterimanya.



Penerima Ijazah Kehormat bersama Tuanku Aishah Rohani. Turut sama, Tunku Ali Redhaudin.

